



Panduan
**MENDUDUKI PEPERIKSAAN
BAYARAN INSENTIF
TUGAS KEWANGAN (BITK)**

**SUKATAN PEPERIKSAAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK)
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

1. Matlamat sukatan

Untuk menentukan bahawa undang-undang dan peraturan mengenai kewangan dan perakaunan IPTA difahami dan diketahui penggunaannya dalam segala urusan harian. Pengetahuan ini penting bagi mengelakkan berlakunya kesilapan dalam pengurusan kewangan IPTA.

2. Tujuan peperiksaan

Untuk membolehkan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang sedang menerima BITK RM40.00 sebulan, Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) memiliki sijil bagi melayakkan mereka dibayar BITK RM80.00 sebulan.

3. Pegawai Yang Layak Menduduki Peperiksaan

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang sedang menerima BITK RM40.00 sebulan, Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan).

4. Sukatan Peperiksaan

Soalan-soalan yang akan ditanya kepada calon-calon adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

- a) Pengurusan dan Kawalan Belanjawan
- b) Pengurusan Kewangan Am
- c) Pengurusan Terimaan
- d) Pengurusan Perolehan
- e) Pengurusan Bayaran Emolumen
- f) Pengurusan Akaun
- g) Pengurusan Aset dan Stor

Bahan Rujukan:

- i. Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan Perlembagaan Universiti
- ii. Arahan Perbendaharaan
- iii. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Terkini (yang berkaitan dengan kewangan)
- iv. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan (yang berkaitan dengan gaji dan elaun)
- v. Perintah Am Bab B (Elaun-Eaun Dalam Perkhidmatan) dan Bab G (Waktu Bekerja dan Elaun Lebih Masa)

Bentuk soalan : Objektif (Aneka pilihan – merangkumi teori dan kajian kes)

Jumlah soalan : 40 (jawab semua soalan)

Masa : 1 jam 30 jam

Markah : 40

Calon-calon tidak dibenarkan merujuk kepada apa-apa bahan rujukan semasa peperiksaan.

5. Keputusan

Lulus / Gagal

6. Bahasa (soalan dan jawapan)

Bahasa Malaysia

7. Syarat-syarat lain

Tertakluk kepada fasal 3 di atas, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang telah memiliki sijil Peperiksaan BITK tetapi tidak menerima BITK selama lima (5) tahun atau lebih secara berterusan staf perlu menduduki semula dan memperoleh sijil peperiksaan ini sebelum layak dibayar BITK RM80.00 sebulan.

8. Bayaran Pendaftaran

RM50.00 bagi setiap calon.

Pihak universiti menanggung kos yuran untuk **dua (2)** kali peperiksaan sahaja. Sekiranya calon ingin membuat ulangan peperiksaan kali **ketiga (3)** dan ke atas kos adalah bawah tanggungan calon sendiri.

9. Kekekapan Peperiksaan

Sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.

10. Tarikh akhir mengemukakan permohonan

Tertakluk kepada takwim peperiksaan yang dikeluarkan oleh Urus setia panel Peperiksaan BITK UA.

11. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada :

Urus setia Peperiksaan BITK,
Unit Pengurusan Bakat dan Kompetensi,
Bahagian Pengurusan Organisasi dan Kompetensi,
Pejabat Pendaftar,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim

Ketua PTj hendaklah membuat pengesahan penerimaan BITK RM40.00 sebulan bagi permohonan yang diterima daripada Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah.